

MAKLUMBALAS ADUAN MEDIA MENGENAI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN: BANJIR – PENGURUSAN UMK KAMPUS JELI

Pada lewat 24 Disember 2014, UMK Kampus Jeli tidak dapat dihubungi disebabkan kejadian banjir yang melanda hampir seluruh negeri Kelantan dan menyebabkan sistem pengangkutan yang menghubungkan Kota Bharu dan Jeli, bekalan elektrik dan telekomunikasi lumpuh sepenuhnya. Namun begitu, Kampus Jeli tidak terkesan dengan banjir dan berada dalam keadaan selamat.

Memandangkan UMK Kampus Kota mula dinaiki air, pihak pengurusan telah membuat keputusan untuk menangguhkan peperiksaan bagi Semester September 2014/2015 yang melibatkan hampir 10 ribu orang pelajar dari 3 kampus iaitu Kampus Kota, Kampus Bachok dan Kampus Jeli setelah mendapatkan nasihat daripada Majlis Keselamatan Negara. Keputusan telah dibuat pada 26 Disember 2014 dan dimaklumkan secara rasmi menerusi pengumuman oleh YBhg. Datuk Naib Canselor pada jam 3.30 petang.

Pengumuman rasmi juga telah dikeluarkan menerusi kenyataan media pada hari yang sama kepada semua media merangkumi cetak dan elektronik, facebook rasmi, serta pertanyaan secara individu menerusi hotline banjir UMK ditalian 09-7797270 yang beroperasi 24 jam sehari.